



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : PENGHAYATAN ETIKA & PERADABAN
KOD KURSUS : MPU2183
PEPERIKSAAN : DISEMBER 2022
MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian :
BAHAGIAN A (20 Markah)
BAHAGIAN B (60 Markah)
BAHAGIAN C (20 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan.
 - ii. Kertas Jawapan Objektif.
 - iii. Buku Jawapan.

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 10 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab **semua** soalan pada Kertas Jawapan Objektif.

1. Pilih pernyataan **paling tepat** tentang perlembagaan.
 - A Undang-undang tertinggi sesebuah negara yang membolehkan sesebuah kerajaan memerintah dengan lebih teratur.
 - B Dokumen yang mengandungi semua undang-undang asas dan dasar yang akan menentukan arah politik sesebuah negara.
 - C Mengandungi satu set hak, kuasa dan prosedur yang mengawal perhubungan antara autoriti awam dengan rakyat.
 - D Perlembagaan Persekutuan mengandungi 183 Perkara.

2. Perlembagaan ialah lambang bahawa negara Malaysia ialah negara yang mempunyai ciri-ciri berikut **kecuali**
 - A Malaysia sebuah Persekutuan.
 - B Agama Islam ialah agama rasmi.
 - C Malaysia pernah dijajah oleh kuasa Barat.
 - D mengamalkan sistem demokrasi berparlimen.

3. Berikut merupakan peranan perlembagaan kepada sesebuah negara **kecuali**
 - A menjamin keamanan negara.
 - B menjamin riwayat negara bangsa.
 - C alat yang mengukur kemajuan negara.
 - D panduan kepada pemerintah dan rakyat.

4. Berikut merupakan ciri-ciri umum negara persekutuan **kecuali**
 - A berkongsi kedaulatan.
 - B undang-undang berasingan.
 - C mempunyai perlembagaan bertulis.
 - D layanan sama rata antara negeri.

5. Sekiranya seseorang ditahan kerana cuba menggunakan isu bahasa ia boleh dikenakan tindakan di bawah
- A Akta Jenayah.
 - B Akta hasutan 1948.
 - C Akta Dadah Berbahaya.
 - D Akta Keselamatan Dalam Negeri.
6. Teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) merangkumi perkara berikut **kecuali**
- A perisian.
 - B teknologi.
 - C maklumat.
 - D komunikasi.
7. Berikut merupakan pelakuan tidak beretika ketika menggunakan media sosial **kecuali**
- A komen berbentuk menghina orang lain.
 - B mencipta akaun menggunakan data peribadi orang lain.
 - C memuat turun gambar kepunyaan orang tanpa menyatakan sumber.
 - D pelajar membuat rujukan pada bahan berkaitan tugas yang diberikan.
8. Pilih pernyataan yang **salah** mengenai langkah-langkah menguruskan ICT dengan baik.
- A Memeriksa kesahihan sesuatu maklumat sebelum dikongsi.
 - B membenarkan pendedahan maklumat kepada pihak yang tidak dikenali.
 - C Memastikan kerahsiaan keselamatan data peribadi dari diketahui umum.
 - D Memaksimumkan penggunaan ICT ketika meluangkan masa bersama keluarga.
9. Berikut merupakan etika menggunakan media sosial **kecuali**
- A berkongsi ilmu pengetahuan.
 - B memberi komen yang negatif.
 - C meminta izin kawan sebelum berkongsi status.
 - D meletakkan iklan yang banyak dalam 'group whatsapp'.

10. Manakah antara yang berikut **bukan** tergolong dalam khidmat sukarelawan?

- A Membantu mangsa banjir.
- B Membantu mangsa tsunami.
- C Membantu membersihkan kawasan perkuburan.
- D Menjadi guru ganti di sekolah dan mendapat elaun.

11. Berikut merupakan nilai dan sikap tanggungjawab sosial **kecuali**

- A membersihkan kawasan taman.
- B membantu orang buta lintas jalan.
- C memberi bantuan mangsa bencana alam.
- D melaksanakan kerja dengan paksaan dan ugutan.

12. Antara peranan kewujudan perlembagaan kepada sesebuah negara adalah

- i. Sumber rujukan undang-undang.
 - ii. Untuk menjaga kedaulatan negara.
 - iii. Mewujudkan pemerintahan yang adil.
 - iv. Persamaan kuasa antara pemerintah dan rakyat.
- A i dan ii.
 - B ii, dan iii.
 - C i, ii, dan iii.
 - D ii, iii, dan iv.

13. Apakah maksud defisit sosial?

- A Perpaduan sosial.
- B Kepentingan sosial.
- C Kemakmuran sosial.
- D Kekurangan konsep sosial yang memerlukan usaha penyatupaduan.

14. Encik Robert seorang warga Afrika telah mendapat kewarganegaraan Malaysia 4 tahun lepas. Dalam hal ini, beliau telah memperolehi kewarganegaraan secara

- A Naturalisasi.
- B Pendaftaran.
- C Pencantuman Wilayah.
- D Kuatkuasa undang-undang.

Shahir meneruskan legasi keluarganya iaitu mencanting batik. Beliau menjadikan pekerjaannya sebagai sumber pendapatan. Beliau bebas menentukan prospek perniagaannya tanpa ada paksaan dari mana-mana pihak.

Pernyataan 1

15. Pernyataan 1 di atas adalah berkaitan dengan
- A takrifan harian.
 - B takrifan autoriti.
 - C kesedaran nasional.
 - D tanggungjawab sosial.
16. Kehadiran kolonial telah membentuk elemen berikut **kecuali**
- A peradaban majmuk.
 - B sistem perundangan Barat.
 - C pemisah kaum mengikut pekerjaan.
 - D penghijrahan penduduk ke pedalaman.
17. Berikut merupakan impak **negatif** penggunaan ICT di Malaysia.
- i. Menyebarkan berita palsu.
 - ii. Pemantapan Bahasa Melayu.
 - iii. Penyebaran maklumat yang mengelirukan.
 - iv. Memperkasa kemahiran komunikasi seseorang.
- A i, dan iii.
 - B iii, dan iv.
 - C i, iii, dan iv.
 - D ii, iii, dan iv.
18. Kegagalan dalam mentadbir urus negara akan menyebabkan timbulnya masalah berikut **kecuali**
- A wujud golongan pegganas.
 - B wujud golongan yang anti kerajaan.
 - C melahirkan masyarakat yang bekerjasama.
 - D wujud golongan miskin, terpinggir dan terabai.

19. ICT merupakan alat bagi

- i. menambah beban kerja.
- ii. mempercepatkan urusan manusia.
- iii. membantu komunikasi lebih efisien.
- iv. menghubungkan manusia walau di mana sahaja.

- A i, dan ii
- B ii, dan iii.
- C i, iii, dan iv
- D ii, iii, dan iv

20. Serangan siber boleh berlaku dalam bentuk

- i. spam.
- ii. terima surat.
- iii. serangan virus.
- iv. ancaman penggadam.

- A i, dan ii
- B ii, dan iv
- C i, iii, dan iv
- D ii, iii, dan iv

[20 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada Buku Jawapan.


SOALAN 1

Secara amnya, tidak ada institusi yang boleh mengatasi ketertinggalan Perlembagaan Malaysia. Hal ini disebabkan ketiga-tiga badan pentadbiran kerajaan seperti Perundangan, Kehakiman dan Eksekutif adalah tertakluk kepada perlembagaan.

Pernyataan 2

- a. Berdasarkan Pernyataan 2, berikan **dua (2)** sebab mengapakah tiada institusi yang boleh mengatasi ketertinggalan perlembagaan? (4 markah)
- b. Senaraikan **enam (6)** elemen pembentukan tapak integrasi. (6 markah)
- c. Berikut ialah tiga tahap tapak integrasi. Terangkan **dua (2)** daripadanya.
- i. Makro (5 markah)
 - ii. Meso (5 markah)
 - iii. Mikro (5 markah)

SOALAN 2



Rajah 1

Rajah 1 menunjukkan perkembangan serta kemajuan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK).

- a. Senaraikan **empat (4)** era utama sejarah perkembangan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK).
(4 markah)
- b. Jelaskan **empat (4)** adab menggunakan media sosial berserta contoh.
(8 markah)
- c. Terangkan **empat (4)** objektif membentuk masyarakat Malaysia berserta contoh.
(8 markah)

SOALAN 3

Sukarelawan, alumni UMP serah sumbangan

UTUSAN WAHANA (BUMIH MELAKA) 10 JUN 2022 11/5 30

Oleh MOHD. SHARIZA ABDULLAH
uisa@kln@utusan.com.my

■ KUANTANTOJAN.

SERAMAI 80 murid dan pelajar daripada golongan asnaf dan anak yatim di sekitar daerah ini serta Pelan menerima bantuan kelengkapan persekolahan menerusi program Kembali Ke Sekolah anjuran UMP Advanced Education di sini baru-baru ini.

Program yang mendapat kerjasama Persatuan Graduan Alumni Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Persatuan Wanita UMP (Mata-

hari) itu sebagai usaha membantu meringankan beban keluarga murid serta pelajar terlibat membuat persediaan memasuki sesi baharu persekolahan tahun ini.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMP, Prof. Datuk Dr. Yuserie Zahudin berkata, program bajkeraan merupakan satu daripada inisiatif MyGift UMP bagi membantu golongan yang memerlukannya.

"Penyerahan sukarelawan UMP melibatkan kaitan dan alumninya yang turun padang menjayakan program tanggungjawab sosial korporat ini sangat membanggakan," katanya di sini baru-baru ini.

Yang hadir sama Ketua Pegawai Eksekutif UMP Advanced Education, Mohammad Rozi Hassan yang bersama sukarelawan lain membantu menjayakan program berkenaan.

Menurut Yuserie, sumbangan cepasang pakaian seragam sekolah, kasut, stoking, alat tulis dan beg diharap dapat memberi manfaat dan semangat kepada murid serta pelajar terlibat untuk menimba ilmu.

"Sikap dermawan dalam kalangan masyarakat kampus ini diharap dapat diteruskan bagi membudayakan keprihatinan terhadap golongan yang memerlukan bantuan," ujar beliau.

Sementara itu, seorang ibu, Lizawah Mustafa, 34, berterima kasih kepada UMP yang sentiasa menghidupkan sumbangan kelengkapan persekolahan kepada tiga anaknya berusia di antara sembilan hingga 12 tahun.

"Sumbangan ini sedikit sebanyak dapat meringankan beban untuk membuat persiapan persekolahan anak-anak saya. Mereka juga teruja memulakan sesi persekolahan dengan kelengkapan baharu," katanya.

Rajah 2

Rajah 2 menunjukkan keratan akhbar tentang penglibatan pelajar dalam aktiviti sukarelawan.

- Berdasarkan Rajah 2, berikan empat (4) contoh aktiviti sukarelawan. (4 markah)
- Jelaskan:
 - Takrifan Harian.
 - Takrifan Autoriti.
 - Defisit Sosial. (6 markah)
- Jelaskan empat (4) pembahagian tanggungjawab sosial sesama manusia. (4 markah)
- Pada pandangan anda, mengapakah golongan muda kurang minat untuk melibatkan diri dalam kerja sukarelawan? (6 markah)

[60 MARKAH]

BAHAGIAN C: SOALAN ESEI

Bahagian ini mengandungi **SATU (1)** soalan.

Tulis jawapan anda dalam pada Buku Jawapan.

Kelestarian etika dan peradaban sejagat sentiasa tercabar dan terkesan oleh proses hakisan sosial. Hal ini demikian kerana perubahan dalam masyarakat berlaku dengan pantas dan sukar dikawal. Bagi generasi baru, apakah yang boleh anda lakukan bagi menunjukkan anda ialah warga yang sayangkan negara? Huraikan **empat (4)** cara dalam menjaga kelestarian sesebuah negara dan bincangkan **empat (4)** kesan jika tiada rasa sayang dan cinta kepada negara.

[20 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT